



## Sofibats by Hadrat Shaykh Muhammed Mefmet Adil al-Hakkani

### THERE IS MERCY IN ADVERSITY KERAHMATAN SEBALIK KESENGSARAAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,  
Auzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,  
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,  
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,  
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.  
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Manusia sudah lupa Hari Pengadilan dan mereka berfikir kehidupan di dunia kekal abadi. Umur kita di dunia ini setakat 60,70, atau 100 tahun dan akhir nya kita akan tinggalkan dunia ini untuk Qiyamah. Justru kealpaan mereka kepada keselesaan dunia ini akan membuat mereka teruja bila keselesaan itu tergugat. “Apa akan jadi kepada kita? Di mana kita harus berlari?” Allah Azza wa Jalla berfirman ays:

**يَقُولُ الْإِنْسَانُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ الْمَفْرُّ**

“Yaqoolul insanu yawma’ithin aynal mafarr.” (Sura Qiyamah:10) “(Maka) pada hari itu, berkatalah manusia (yang ingkarkan hari kiamat): Ke manakah hendak melarikan diri?” Tetapi sebelum hari qiyamah sudah bertanya soalan ini “Di mana harus kita lari?”

Allah Azza wa Jalla berfirman:

**إِلَى رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمُسْتَقْرُ**

“Ila rabbika yawma’ithinil mustaqarr.” “Pada hari itu, kepada Tuhanmulah sahaja terserahnya ketetapan segala perkara.”(Sura Qiyamah:12) . Tiada tempat untuk lari kecuali kepada Allah.

Di sebalik kesusahan ada kerahmatan. Suatu kebijaksanaan. Jika anda tidak mengalami kesusahan anda tidak akan mengingati Hari Qiyamah, atau mematuhi perintah Allah swt. Dengan kesusahan atau kesengsaraan anda akan mengingati Allah swt.



**Sofibats by  
Hadrat Shaykh Muhammed Mefmet Adil al-Hakkani**

Kami tidak datang untuk dunia ini. Kami datang demi hari akhirat untuk mengingati Allah swt. Kami melalui banyak perperangan dan deritaan. Kami menyaksi kebijaksanaan allah swt. Manusia menyebut nama “Allah” semasa dalam era perperangan dan masjid penuh dengan jemaah. Tetapi sedih nya mereka tinggalkan nya selepas era perperangan.

Kami ada di zaman perperangan di Lebanon dan Cyprus. Semasa itu rakyat Cyprus hanya sedikit berbanding hari ini. Tetapi Cypriots memenuhi masjid. Tetapi sekarang populasi sudah bertambah namun masjid mereka tidak ramai dengan jemaah masjid. Anda harus mengingati Allah dalam keadaan nyaman dan selesa.

Jangan lah anda marah kepada orang bila anda di landa kesengsaraan atau kecelakaan. Anda harus berfikir “ Ini adalah suatu amaran dari Allah atas perbuatan kita” dan terimalah ia dengan nasihat. Allah punca segala sebab. Allah berkuasa atas segala nya. Jika anda salahkan orang lain maka anda akan besae kemungkinan lupa Allah. Kembali kepada Allah dan mohon perlindungan dari nya. Tiada perlindungan kecuali Allah swt. Anda akan di balas dengan kesabaran dan penerimaan musibah itu.

Pada akhirat orang yang menerima musibah atau kesengsaraan dengan kesabaran akan berbicara “Alangkah baik jika kami menerima lebih kederitaan di dunia.”

Maka ada keindahan jika kita beriman dengan takdir. Keimanan seseorang akan membawa kesenangan dan kelapangan. Moga Allah swt memberi kita keimanan dan jauhkan kita dari bala’. Moga Allah menjadikan negara ini aman Inshallah.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil  
25. December 2016/25 Rabiul Awwal 1438  
Sabah Namaz, Akbaba Dargah